

Mesyuarat pertama MT UMNO 8 Ogos

KUALA LUMPUR, Jumaat — Mesyuarat pertama Majlis Tertinggi UMNO Malaysia yang baru akan diadakan pada 8 Ogos, Setiausaha Agung UMNO, Senator Datuk Haji Mustafa Jabar memberitahu hari ini.

Presiden Parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menetapkan tarikh sidang tersebut yang akan berlangsung di Ibu Pejabat UMNO Malaysia di sini jam 10 pagi.

Datuk Seri Dr. Mahathir akan mempengerusikan mesyuarat itu dan memberi amanat penting.

Datuk Haji Mustafa memberitahu Berita Harian hari ini, pihaknya semalam menghantar surat kepada semua ahli MT yang baru dipilih tentang tarikh mesyuarat tersebut.

Mesyuarat itu akan membincang beberapa perkara penting hal ehwal parti, perkembangan terbaru di dalam dan luar negeri.

Datuk Haji Mustafa memberitahu lagi ahli-ahli MT yang baru dipilih akan mengangkat sumpah menyimpan rahsia dalam mesyuarat itu.

Sidang itu juga akan melantik setiausaha Agung, Bendahari, Ketua Penerangan UMNO Malaysia dan tujuh orang ahli MT di bawah kuasa Presiden.

Datuk Haji Mustafa akan kekal sebagai Setiausaha Agung UMNO berdasarkan Datuk Seri Dr. Mahathir sendiri meminta beliau menanggungkan hasratnya hendak melepaskan jawatan tersebut kepada tokoh muda.

Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah juga akan dilantik semula sebagai Bendahari dan jawatan Ketua Penerangan yang kini dipegang oleh Datuk Haji Embong Yahya dijangka diberi kepada tokoh muda.

Biro2

Sementara empat daripada tujuh orang ahli MT yang akan dilantik di bawah kuasa Presiden disebut-sebut terdiri dari Menteri Besar Johor Tan Sri Haji Othman Saat, Menteri Besar Perlis Datuk Haji Jaafar Hasan, Speaker Dewan Rakyat Tan Sri Syed Nasir Ismail dan Pengerusi Eksekutif Bank Bumiputera Tan Sri Kamarul Ariffin.

Datuk Haji Mustafa berkata mesyuarat itu juga akan melantik Pengerusi-pengerusi dan ahli-ahli baru Biro-biro Politik, Pelajaran, Ekonomi, Kewangan, Kebudayaan dan Kebajikan, Buruh dan Kesatuan Sekerja, dan Biro Agama.

Datuk Seri Dr. Mahathir sudah pasti mengambil alih Biro Po-

litik yang dulunya dipegang oleh Tun Hussein Onn atas sifat sebagai Presiden Parti.

Timbalan Presiden UMNO Datuk Musa Hitam dijangka melepaskan jawatan Pengerusi Biro Pelajaran untuk mengetuai Jawatankuasa Disiplin Parti yang kini dipegang oleh Datuk Seri Dr. Mahathir.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia